

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR S SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN

[SEPANG]

TARIKH :

SOALAN :

YB Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan bersedia menimbangkan semula cadangan pembinaan Hospital Kerajaan di Cyberjaya ditukarkan ke Bandar Baru Salak Tinggi (BBST) memandangkan kedudukan hospital baru itu yang tidak jauh dari Hospital Putrajaya dan rayuan penduduk Sepang agar pembinaan hospital Cyberjaya itu dipindahkan ke BBST dan dinamakan sebagai Hospital Sepang.

Tuan Yang di-Pertua,

Cadangan pembangunan Hospital Cyberjaya merupakan salah satu projek yang diumumkan YB Perdana Menteri didalam Ucapan Belanjawan 2016. Pelaksanaan projek ini dicadang menggunakan peruntukan khas dari Kementerian Kewangan. Tapak projek adalah di atas tanah seluas 12 ekar yang terletak di Persiaran Multimedia, Cyber 11.

Hospital Cyberjaya ini dirancang sebagai sebuah hospital berpakar dengan kapasiti 288 katil bagi menampung pembangunan pesat yang dirancang di Cyberjaya disamping dapat mengurangkan masalah kesesakan yang dialami di Hospital Putrajaya. Pembangunan Hospital Cyberjaya ini juga akan dapat menampung keperluan penduduk di sekitar Cyberjaya termasuk penduduk Sepang.

KKM berpendapat cadangan projek Hospital Cyberjaya ini diteruskan seperti yang telah dirancang. Cadangan pembangunan Hospital Sepang di tapak Bandar Baru Salak Tinggi (BBST) pula akan diberi pertimbangan sewajarnya di dalam perancangan projek-projek KKM di masa hadapan.